

Projek Endoskopi R-Entique

Sinar Harian

20 September 2017 | Rabu

Projek Endoskopi R-Entique

TPM Engineering Sdn Bhd (TPME) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk bekerjasama dalam pembangunan prototaip alat pensterilan endoskopi yang dikenali sebagai R-Entique untuk pengkomersialan di masa hadapan.

R-Entique, sebuah unit pensterilan endoskopi dengan alat pemegang dan *built-in timer*, adalah alat mudah alih serba guna direka untuk penggunaan dan penyelenggaraan endoskopi. Projek ini diketuai Prof. Madya Dr. Salina Husain dan Fakulti Perubatan UKM.

TPME, anak syarikat Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) diwakili pengarahnya, Datuk Ir Mohd Azman Haji Shahidin, yang juga Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TPM, sementara Dr. Salina menandatangani bagi pihak universiti.

Pengerusi TPM, Datuk Ahmed Fauzi Zahari berkata, perkongsian antara UKM dan TPME membuktikan kepentingan dalam kepekaan kerjasama yang lebih erat antara institusi penyelidikan dan industri ke arah membangunkan inovasi baru.

"Inisiatif UKM dalam membangunkan R-Entique jelas mencerminkan

keupayaannya sebagai salah satu daripada lima universiti peneraju penyelidikan di Malaysia dengan hala tuju strategik untuk menjadi pemimpin serantau dalam kecemerlangan akademik dan penyelidikan.

"TPM dan TPME amat bangga untuk dikaitkan dengan UKM dan berharap dapat mewujudkan hubungan yang lebih erat dalam membantu pengkomersialan penyelidikan masa depan mereka. Kami yakin dapat memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan dan kepakaran dalam menambah nilai kepada pembangunan baru inovasi ke arah pencapaian aspirasi negara menjadi sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan," kata Ahmad Fauzi.

Pensteril endoskopi

Mengenai ciri unik R-Entique, ia terdiri daripada pemegang tunggal dengan sembilan tiub silikon yang mampu memegang sembilan alat endoskop pada satu-satu masa. Tab berkod-warna membolehkan pembezaan antara endoskop kotor, sedang disteril dan telah steril. Tiub silikon boleh menampung cecair steril untuk sterilisasi secara serentak, sementara *built-in timer* mencatatkan tempoh rendaman semasa pensterilan.

Produk ini dianggap sebagai alat



Pada majlis MoA projek endoskopi R-Entique.

yang mudah dan berkesan, bukan sahaja untuk menyimpan tetapi juga untuk membersihkan/mensteril endoskopi, sekali gus meminimumkan kesilapan manusia, masa dan kos. Di samping itu, ia mesra pengguna dan tidak memerlukan tenaga profesional teknikal untuk mengendalikannya.

Pasaran peralatan endoskopi global dianggarkan bernilai USD 28.2 bilion pada 2013 dan dijangka mencecah USD 37.8 bilion menjelang 2018, berkembang pada CAGR sebanyak 6.1%. Amerika Utara memegang bahagian terbesar pasaran peralatan endoskopi global, diikuti Eropah dan Asia.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam pasaran endoskopi mungkin akan tertumpu kepada rantau Asia

yang berkembang pesat disebabkan peningkatan perbelanjaan penjagaan kesihatan, semakin banyak pembedahan endoskopik, peningkatan infrastruktur endoskopik, sokongan luas untuk aktiviti penyelidikan berkaitan endoskopi dan sebagainya.

TPME menyediakan program teknologi kerjasama memanfaatkan keupayaan penuh kepakarannya untuk menyokong syarikat atau entiti berasaskan teknologi, industri kecil dan sederhana, institut penyelidikan dan universiti yang membangunkan produk dan inovasi melalui kemudahan kejuruteraan canggih dalam bidang pemesinan CNC, fabrikasi kepingan logam, prototaip dan reka bentuk produk.